

SEJARAH

[019]

1 jam 15 minit

Nama	
Kelas	

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama dan kelas kamu pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.



JSU

<https://qr.pelangibooks.com/?u=SejThn4JSUSet1>

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 – 20	20	
B	1	5	
	2	5	
	3	5	
	4	5	
C	1	5	
	2	5	
Jumlah		50	

Bahagian A
[20 markah]
Jawab semua soalan.

1. Apakah pengertian sejarah?
 - A Catatan peristiwa penting
 - B Penceritaan tentang masa lampau
 - C Peristiwa yang benar-benar berlaku
 - D Interaksi antara manusia masa kini dengan masa lampau
2. Maklumat berikut merujuk kepada pandangan sejarawan tentang pengertian sejarah.

Sejarah membicarakan peradaban manusia dan perubahan yang berlaku.

Siapakah sejarawan tersebut?

- A E.H. Carr
 - B Herodotus
 - C Ibn Khaldun
 - D Dr. Muhd Yusof bin Ibrahim
3. Apakah nilai murni yang harus diamalkan antara ahli keluarga?
 - I Berani
 - II Berwawasan
 - III Bertolak ansur
 - III Saling membantu
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
4. Maklumat berikut berkaitan dengan lokasi sesuatu tempat.



Sesuatu objek yang mudah dikenal pasti seperti bangunan, pokok atau binaan.

Apakah X?

- A Tembok
- B Papan tanda
- C Mercu tanda
- D Pintu gerbang

5. Antara berikut, yang manakah ahli keluarga asas?
- A Keluarga yang terdiri daripada datuk dan nenek
 - B Keluarga yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak-anak
 - C Keluarga yang terdiri daripada datuk, nenek, bapa dan ibu
 - D Keluarga yang terdiri daripada bapa, ibu, anak-anak dan sepupu
6. Mengapakah bendera sangat penting bagi sesebuah sekolah?
- A Melambangkan matlamat dan cita-cita
 - B Melambangkan kejayaan sesebuah sekolah
 - C Melambangkan penglibatan sesebuah sekolah
 - D Melambangkan kemegahan dan kebanggaan sesebuah sekolah
7. Maklumat berikut berkaitan dengan tokoh tempatan di Malaysia.

- Dilahirkan pada 16 Mac 1951
- Usahawan kek lapis di Miri
- Mengadakan kelas masakan dan menyediakan peluang pekerjaan

Siapakah tokoh tersebut?

- A Peter Jackson
 - B Junaydie bin Sihan
 - C Siti Jaharah binti Matassan
 - D Muhammad Azali Kalki bin Abdullah
8. Gambar berikut menunjukkan pencairan air batu.




Apakah kesan pencairan air batu?

- A Paras air laut meningkat
- B Air laut mulai membeku
- C Suhu bumi mula meningkat
- D Tanah dataran menjadi lebih luas

9. Apakah maksud zaman prasejarah?
- A Zaman sebelum manusia mula berdagang
 - B Zaman sebelum manusia mengenal tulisan
 - C Zaman sebelum manusia mula bercucuk tanam
 - D Zaman sebelum manusia mula tinggal menetap
10. Antara berikut, yang manakah ciri-ciri Epok Pleistosen?
- I Paras air laut meningkat
 - II Suhu bumi mula meningkat
 - III Tanah dataran menjadi lebih luas
 - IV Manusia mula mengetahui cara membuat api
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

II. Gambar berikut menunjukkan peralatan yang digunakan semasa zaman prasejarah.



Kapak Genggam

Apakah zaman prasejarah yang menggunakan peralatan tersebut?

- A Zaman Logam
 - B Zaman Neolitik
 - C Zaman Mesolitik
 - D Zaman Paleolitik
12. Apakah kerajaan Melayu awal yang muncul pada abad pertama?
- A Kerajaan Funan
 - B Kerajaan Champa
 - C Kerajaan Srivijaya
 - D Kerajaan Kedah Tua

13. Antara berikut, yang manakah dua kuasa besar yang menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Melayu awal?
- I India
II China
III Eropah
IV Tanah Arab
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
14. Siapakah yang menjadi pemerintah tertinggi dalam pentadbiran negeri pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?
- A Sultan
B Penghulu
C Bendahara
D Laksamana
15. Pilih padanan yang betul tentang tokoh terbilang di Melaka.

	Nama tokoh	Peranan
A	Hang Tuah	Memastikan keselamatan perairan Melaka
B	Tun Perak	Mengasaskan Kesultanan Melayu Melaka
C	Parameswara	Menjadi utusan Kesultanan Melayu Melaka
D	Sultan Mansur Syah	Menguruskan pentadbiran secara sistematik

16. Mengapakah Parameswara dianggap sebagai tokoh terbilang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?
- A Menjaga kebajikan rakyat
B Meluaskan empayar Melaka
C Memastikan keselamatan perairan Melaka
D Memajukan Melaka sebagai pusat perdagangan
17. Maklumat berikut berkaitan dengan asal usul nama Melaka.

- Melaka disebut sebagai *Amalaka*
- Pokok pertama yang tumbuh di alam semesta

Apakah sumber yang merekodkan asal usul tersebut?

- A Sumber Arab
B Sumber India
C *Suma Oriental*
D *Sulalatus Salatin*

18. Apakah gelaran yang telah dianugerahkan kepada Bendahara Tun Perak oleh Sultan Muzaffar Shah?
- A Bendahara Setia
 - B Bendahara Terbilang
 - C Bendahara Termashyur
 - D Bendahara Paduka Raja
19. Mengapakah Tun Perak membawa masuk penduduk Klang ke Melaka?
- A Menjadi hamba
 - B Menjadi buruh upahan
 - C Melawan tentera Siam
 - D Melawan tentera Majapahit
20. Siapakah nama sahabat Laksamana Hang Tuah yang menuntut bela atas kematiannya?
- A Hang Lekir
 - B Hang Jebat
 - C Hang Lekiu
 - D Hang Kasturi

Bahagian B
[20 markah]
Jawab semua soalan.

I. Padankan pengertian sejarah dan sejarawan dengan tepat.

(a)

Sejarah merupakan penceritaan tentang tindakan manusia dan sebab-sebab mereka melakukannya.

Profesor Emeritus
Dr. Khoo Kay Kim

(b)

Sejarah membicarakan peradaban manusia dan perubahan yang berlaku.

Dr. Muhd Yusof
bin Ibrahim

(c)

Sejarah ialah satu proses interaksi antara masa kini dengan masa lampau.

Herodotus

(d)

Sejarah merujuk kepada peristiwa yang pernah atau sudah berlaku.

Ibn Khaldun

(e)

Sejarah merupakan catatan atau rekod sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lalu.

E.H. Carr


2. Isi tempat kosong berkaitan dengan Zaman Air Batu.



- (a) Pencairan air batu akibat peningkatan suhu bumi dikenali sebagai _____.
- (b) _____ ialah subunit masa dari 70 tahun dahulu hingga kini.
- (c) Zaman yang bermula 2.5 juta hingga 11 700 tahun yang lalu dikenali sebagai _____.
- (d) Semasa _____, manusia mula mengetahui cara membuat api.
- (e) Paras air laut mula meningkat semasa _____.

[5 markah]

3. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul berkaitan dengan kegiatan ekonomi kerajaan Melayu awal.



- (a) Lokasi kerajaan Melayu awal di lembah sungai amat sesuai untuk kegiatan _____.
- (b) Kewujudan _____ memudahkan pedagang untuk singgah dan menjalankan kegiatan perdagangan di Kepulauan Melayu.
- (c) Barang dagangan utama ialah _____ seperti lada hitam, bunga cengkih dan buah pala.
- (d) Kerajaan Melayu awal kaya dengan hasil laut seperti teripang, kulit penyu dan _____.
- (e) Kegiatan pembuatan menghasilkan barang perhiasan, senjata dan _____.

Bahagian C
[10 markah]
Jawab semua soalan.

I. Gambar berikut menunjukkan sebuah keluarga bahagia.



(a) Nyatakan dua peranan ibu bapa dalam mengekalkan keharmonian dan kebahagiaan sesebuah keluarga.

[2 markah]

(b) Mengapakah ahli keluarga perlu saling bertolak ansur dan menyayangi antara satu sama lain?

[3 markah]

2. Gambar berikut menunjukkan perkembangan teknologi dalam kehidupan manusia.



Masa dahulu



Masa sekarang

(a) Apakah tujuan manusia zaman prasejarah menggunakan api?

[1 markah]

(b) Apakah peralatan yang digunakan oleh manusia zaman prasejarah untuk mendapatkan makanan?

[2 markah]

(c) Bagaimanakah kemajuan teknologi membantu kehidupan manusia masa sekarang?

[2 markah]